

**SOALAN LAZIM  
AKAUN PELABURAN PORTFOLIO-i (PIA-i)**

**Pengenalan tentang PIA-i**

1. Apakah itu PIA-i?

PIA-i adalah akaun pelaburan portfolio yang berasaskan kontrak Wakalah bil Istismar yang merupakan kontrak agen bagi tujuan pelaburan. Hong Leong Islamic Bank Berhad/ Bank akan bertindak sebagai agen yang dilantik pelabur dan akan melabur ke dalam unit amanah yang spesifik dengan kelolaan Hong Leong Islamic Asset Management (HLISAM). HLISAM pula akan bertindak sebagai pengurus pelaburan untuk melakukan aktiviti pelaburan bergantung kepada arahan Bank melalui mandat yang diberikan oleh pelabur.

2. Apakah PIA-i merupakan Dana Pelaburan Unit Amanah?

Tidak, ia adalah produk akaun pelaburan yang melabur ke dalam 3 Dana Unit Amanah patuh Syariah dengan HLISAM.

3. Apakah kelebihan melabur dalam PIA-i?

Matlamat PIA-i adalah untuk memberikan pulangan yang tetap dengan melabur dalam portfolio pertumbuhan modal melalui pelaburan berisiko sederhana. Selain itu, PIA-i juga menawarkan pengalaman pelaburan yang lancar secara digital.

4. Siapakah yang boleh melanggan PIA-i?

Individu berusia 18 tahun ke atas dan perniagaan tunggal sahaja.

5. Adakah PIA-i merupakan produk patuh Syariah?

Ya, PIA-i adalah produk patuh Syariah yang berdasarkan kontrak Wakalah bil Al-Istithmar. PIA-i juga merupakan produk di bawah pengawasan Jawatankuasa Syariah (SC) HLISB dan Bank Negara Malaysia (BNM).

6. Bolehkah saya melabur dalam PIA-i jika saya merupakan pemegang bersama CASA/i HLB/HLISB?

Tidak. Hanya pemilik akaun individu sahaja yang dibenarkan melanggan dengan PIA-i.

**Portfolio Pelaburan**

7. Apakah yang saya laburkan?

PIA-i melabur dalam 3 Dana Unit Amanah patuh Syariah bawah HLAM. 3 Dana tersebut ialah Dana Al-Izdihar (Pasaran Wang), Dana Maa'rof (Ekuiti) dan Dana Makmur (Seimbang). Penerangan jelas mengenai dana-dana tersebut boleh didapati dalam PDS dan Prospektus Utama HLAM di pautan berikut <https://www.hlisb.com.my/content/dam/hlisb-new/my/docs/extraction-of-salient/hldm-extraction-of-salient-info.pdf>.

**Pembukaan Akaun PIA-i**

8. Bagaimanakah saya ingin melabur dalam PIA-i?

Untuk melabur, anda hendaklah mempunyai Akaun Semasa-i / Akaun Simpanan-i (CASA-i) di Hong Leong Islamic Bank (HLISB) atau Akaun Semasa / Akaun Simpanan di Hong Leong Bank (HLB). Anda hanya boleh melabur dalam PIA-i melalui Hong Leong Connect dengan melayari laman web <https://s.hongleongconnect.my/>.

9. Berapakah kadar minima dan maksima untuk memulakan pelaburan dalam PIA-i?  
Minima RM 1,000 dengan gandaan RM100 dan maksima RM 5,000,000 per transaksi.
10. Bolehkah saya melakukan transaksi berkaitan PIA-i melalui aplikasi HLB Connect. Hong Leong Connect secara mobiliti?  
Belum lagi. Namun, paparan PIA-i dapat dilihat melalui aplikasi mobil Hong Leong Connect.
11. Bolehkah saya melawat cawangan Bank untuk melabur PIA-i?  
PIA-i ialah produk pelaburan digital. Oleh itu, semua transaksi dan pertanyaan berkaitan PIA-i hanya boleh dilakukan di perbankan internet Hong Leong Connect.

### **Pelaburan dan Pengeluaran**

12. Bilakah saya boleh melanggan PIA-i?  
Anda hanya boleh melanggan PIA-i ketika Tempoh Langganan (SP) bagi setiap siri. SP Cuma berlaku ketika bermulanya pelancaran siri PIA-I, yang berlaku setiap tiga (3) bulan selama 21 hari. Anda juga boleh melewati laman sesawang korporat kami [www.hlisb.com.my/pia-i](http://www.hlisb.com.my/pia-i) bagi setiap pemberitahuan tentang SP bagi setiap siri PIA-i.
13. Bolehkah saya melakukan pelaburan tambahan setelah tepih 21 hari?  
Tidak, tetapi anda boleh melakukan langganan lain pada siri baru ketika Tempoh Langganan (SP) masing-masing.
14. Berapa kerap siri PIA-i baru akan dilancarkan?  
Setiap 3 bulan selepas bermulanya siri terdahulu.
15. Adakah PIA-i mempunyai ciri auto pembaharuan?  
Terdapat satu pilihan sahaja untuk Pelabur:
- Pembaharuan auto (modal sahaja) – Keuntungan akan dikreditkan dalam CASA-i HLB atau HLISB dalam tempoh empat (4) hari bekerja selepas Tarikh Pembahagian Keuntungan (PDP). Modal akan diperbaharui berkekalan dalam dana tersebut untuk jangka masa yang panjang.
16. Bilakah saya boleh melakukan pengeluaran PIA-i?  
Kami tidak menggalakkan pengeluaran awal. Namun, terdapat dua (2) cara boleh dilakukan Pelabur:
- Ketika Tempoh Langganan (SP) : Dibenarkan dan fi pendahuluan akan dipulangkan kembali kepada Pelabur.
  - Selepas SP hingga 4 hari bekerja sebelum PDP : Dibenarkan tetapi nilai pelaburan anda mungkin mengalami kerugian disebabkan turun naik harga pasaran dan setiap pengeluaran awal tidak menjanjikan bahawa Pelabur bakal memperoleh nilai asal langganan secara penuh dan keuntungan akan dilepaskan, jika ada.
17. Adakah pengeluaran separa dibenarkan?  
Tidak.

18. Adakah saya akan dicaj sebarang penalti sekiranya melakukan pengeluaran awal?
- Tidak, tetapi anda berkemungkinan mengalami kerugian disebabkan turun naik harga pasaran dan keuntungan hasil pelaburan tersebut akan dilepaskan, jika ada.
19. Jika saya berhasrat untuk mengeluarkan modal bersama keuntungan, apakah yang perlu saya lakukan?
- Anda boleh memilih 'No' di pilihan pembaharuan ketika proses langganan.
20. Bagaimanakah cara untuk saya melakukan langganan baru jika saya sudah mengeluarkan seluruh jumlah pelaburan dalam satu siri?
- Anda boleh melanggan kembali dalam PIA-i siri berikutnya yang ditawarkan Bank
21. Adakah saya akan mendapatkan modal jika saya melakukan pengeluaran awal?
- Setiap pengeluaran awal tidak menjamin bahawa anda bakal menerima modal pelaburan secara penuh. Ia akan bergantung kepada nilai pasaran dan modal, yang mana lebih rendah.
22. Bagaimanakah untuk saya mengetahui nilai pelaburan jika saya mahu melakukan pengeluaran awal?
- Anda boleh ke paparan PIA-i di Hong Leong. Namun, amaun pelaburan semasa di skrin pengeluaran hanyalah untuk tujuan rujukan dan amaun pelaburan semasa boleh berubah bergantung pada tarikh pengeluaran dibuat.

### **Pembahagian Keuntungan**

23. Apakah kadar pulangan bagi langganan PIA-i?
- Kadar keuntungan jangkaan ialah 6%. Namun, keuntungan pelaburan bergantung pada prestasi setiap dana seperti Dana Al-Izdihar, Dana Maa'rof dan Dana Makmur. Oleh itu, pulangan pelaburan boleh berubah dari kadar keuntungan jangkaan.
24. Adakah mungkin saya mendapatkan keuntungan yang lebih rendah atau lebih tinggi dari kadar keuntungan jangkaan?
- Ya, mungkin. Anda boleh menerima keuntungan lebih rendah atau lebih tinggi daripada kadar keuntungan jangkaan berdasarkan prestasi sebenar dana pendasar.
25. Bilakah saya akan mendapat keuntungan tersebut?
- Keuntungan akan dibahagikan di akhir enam (6) bulan bagi setiap siri.
26. Bagaimanakah cara saya menerima keuntungan tersebut?
- Pembayaran keuntungan akan dikreditkan ke dalam CASA-i HLISB atau CASA HLB anda.

### **Fi dan Caj**

27. Adakah terdapat sebarang fi dan caj yang dikenakan oleh PIA-i?
- Ya. Sila rujuk PDS untuk maklumat lanjut berkenaan fi dan caj.

28. Adakah saya akan dicaj fi pendahuluan sekiranya saya bercadang untuk membatalkan langganan semasa SP?

Ya, tetapi fi pendahuluan tersebut akan dipulangkan kembali dan dikreditkan dalam CASA/i HLISB atau CASA HLB anda.

### **Soalan Umum**

29. Adakah saya akan memperoleh penyata kewangan PIA-i?

Ya. Penyata kewangan bulanan akan disediakan melalui HLB Connect.

30. Bolehkah PIA-i digunakan sebagai kolateral bagi kemudahan pembiayaan?

Ya, bergantung atas pengesahan Bank.

31. Apakah pelayar yang boleh menyokong pautan Hong Leong Connect?

Semua pelayar mampu mengakses platform Hong Leong Connect termasuklah Internet Explorer, Mozilla Firefox, Google Chrome, Safari, dsb.

32. Adakah Hong Leong Connect mengenakan sebarang kos untuk mendaftar?

Tidak.

33. Kenapakah saya perlu menjalani Penilaian Kesesuaian atau Suitability Assessment (SA)?

Penilaian Kesesuaian digunakan untuk mengukur profil/ citarasa risiko anda supaya Bank boleh memberi peringatan sekiranya sesuatu pelaburan tersebut tidak sepadan dengan profil risiko anda. Ini untuk memastikan anda sentiasa sedia maklum tentang risiko dalam membuat keputusan untuk melabur.

34. Bagaimanakah Penilaian Kesesuaian (SA) ini akan membantu saya dalam membuat keputusan pelaburan?

SA menilai anda daripada tiga (3) bidang penting:

- Kemampuan kewangan;
- Keperluan dan citarasa pelaburan; dan
- Pengetahuan dan pengalaman dalam pelaburan.

Penilaian ini direka untuk mendapatkan pandangan yang paling tepat mengenai profil risiko anda. Walaubagaimanapun, ketepatan penilaian ini bergantung kepada betapa telusnya anda dalam menjawab setiap soalan

35. Bagaimanakah cara untuk saya menutup akaun PIA-i?

Log masuk dalam Hong Leong Connect dan keluarkan sepenuhnya jumlah pelaburan PIA-i anda. Secara automatik sistem akan menutup akaun PIA-i anda.

36. Adakah PIA-i dilindungi bawah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM)?

Produk ini tidak dilindungi oleh PIDM.